

Pembiayaan-mikro untuk permulaan PKS



STEVE MILLER

KEBANYAKAN orang daripada golongan berpendapatan rendah tidak mempunyai wang simpanan yang mencukupi untuk membuka akaun bank, aset yang mencukupi untuk mendapatkan pinjaman bank mahupun rekod kredit untuk memohon kemudahan kredit asas ataupun untuk mendapatkan pekerjaan.

Di antara golongan masyarakat seperti warga belia dan para pekerja, mereka juga mempunyai idea dan konsep yang baik serta berminat untuk memulakan perniagaan sendiri, tetapi tidak berupaya untuk mendapatkan pembiayaan yang diperlukan atas sebab-sebab tersebut.

Adakah anda di dalam golongan di atas?

Secara amnya, institusi kewangan tidak ditubuhkan untuk membantu golongan tersebut yang tidak mempunyai aset kewangan sebaliknya hanya untuk membantu mereka yang berada.

Disebabkan masalah itu, apabila golongan berpendapatan rendah memohon pinjaman, mereka sering kali bergantung kepada saudara-mara dan adakalanya peminjam wang haram; kaedah yang kerap kali mempunyai kesan-kesan negatif seperti mana yang dilaporkan di dalam akhbar-akhbar tempatan. Oleh sebab had kewangan yang terbatas, pengusaha perniagaan yang mempunyai "idea besar", tidak dapat merealisasikan bakat dan keupayaan mereka untuk memperdagangkan prototaip mereka masing-masing. Jadi, siapakah yang boleh membantu mereka apabila kewangan diperlukan?

Dalam tahun 70-an, satu konsep

telah dimulakan oleh Nobel Laureate dan ahli ekonomi Muhammad Yunus iaitu, pembiayaan-mikro, suatu peruntukkan perkhidmatan kewangan untuk pelanggan-pelanggan berpendapatan rendah. Ini merangkumi konsumer dan mereka yang mempunyai perniagaan sendiri yang secara tradisinya, kekurangan akses perbankan tetap dan perkhidmatan yang berkaitan.

Secara umumnya, pembiayaan-mikro dapat merealisasikan harapan individu-individu yang berpendapatan rendah dan keluarga masing-masing mempunyai akses tetap atas pelbagai perkhidmatan kewangan berkualiti tinggi bukan sahaja untuk memperuntukkan kewangan untuk aktiviti yang menjanakan pendapatan malah menstabilkan penggunaan serta dilindungi daripada risiko. Produk dan perkhidmatan pembiayaan-mikro tidak terhad hanya kepada kredit mikro dan pinjaman, tetapi termasuk wang simpanan, insurans dan pemindahan wang.

Waris perkhidmatan pembiayaan-mikro juga merangkumi perniagaan sendiri serta pengusaha yang menjalankan perniagaan di rumah. Perniagaan mikro merangkumi kedai runcit kecil, kedai kecil tepi jalan ("street vending"), pengeluaran artisan dan pembekalan perkhidmatan. Bagi kawasan luar bandar, pengusaha mikro kerap kali mempunyai aktiviti kecil yang menjana pendapatan se-

Walaupun pembiayaan mikro pertama kalinya adalah untuk membantu golongan berpendapatan rendah daripada kemiskinan, ianya tidak terhad kepada sebab itu sahaja

- STEVE MILLER

Naib Presiden Eksekutif dan Ketua Perbankan Perusahaan Kecil dan Sederhana Alliance Bank.

perti pemprosesan makanan dan perdagangan, bukan kesemuanya petani sahaja.

Sejak dekad ini, beberapa institusi pembiayaan-mikro telah bermula mengembangkan pelbagai produk untuk memuakan keperluan pelanggan-pelanggan, termasuklah orang yang menerima pencen, warga belia dan golongan pekerja bergaji rendah yang berminat untuk memulakan perniagaan sendiri. Walaupun tidak banyak diketahui tentang bakal pelanggan, adalah dianggarkan jumlah individu dan rumah tangga yang tanpa akses berkesan untuk perkhidmatan kewangan adalah besar.

Walaupun pembiayaan-mikro pertama kalinya adalah untuk membantu golongan berpendapatan rendah daripada kemiskinan, ianya tidak terhad kepada sebab ini sahaja. Seperti yang disebutkan, pembiayaan-mikro adalah punca alternatif penjana pendapatan untuk belia dan usahawan yang mempunyai idea terkini yang berminat untuk memulakan perniagaan mikro yang mempunyai potensi untuk berkembang supaya dapat menjadi perniagaan yang berjaya. Pihak sebegini tidak lagi perlu untuk bergantung kepada

penjana wang sendiri untuk mengurus cabaran perniagaan yang sedia ada untuk meningkatkan perniagaan ataupun untuk merealisasikan idaman mereka.

Satu daripada cabaran yang dihadapi oleh perniagaan baru adalah dana yang mencukupi untuk mengekalkan posisi persaingan yang baik dalam pasaran. Keperluan tetap adalah untuk mendapatkan pembiayaan yang mencukupi untuk mengurus pembelian stok, pengembangan perniagaan untuk bersaing dengan pesaing perniagaan dan penggunaan bulanan seperti gaji pekerja, sewa dan bayaran utiliti.

Oleh sebab kekurangan aset serta cagaran yang secara amnya diperlukan oleh pihak bank untuk mendapatkan pembiayaan tambahan, adalah susah untuk perniagaan baru kecil dan sederhana untuk mendapatkan pembiayaan tambahan untuk terus berniaga, berkembang dan makmur. Kebanyakan daripada perniagaan kecil dan sederhana biasanya tidak akan berjumpa atau menelefon pihak Bank untuk mendapatkan lebih maklumat.

Kini beberapa institusi kewangan mengenalpasti sokongan perlu diberikan kepada golongan ini. Ins-

titusi kewangan yang baik akan memberi pelbagai kemudahan untuk memenuhi keperluan kewangan perniagaan baru atau perniagaan kecil dan sederhana dan memainkan peranan penting dalam memberikan sokongan yang diperlukan bagi perniagaan sebegini, tidak kira saiz organisasi. Sokongan dihulurkan kepada perniagaan komuniti dalam bentuk rundingan yang mana nasihat diberikan oleh Pegawai Perhubungan daripada institusi sebegini. Anda mungkin terkejut untuk mengetahui bahawa adanya institusi kewangan yang menawarkan pembiayaan-mikro kepada perniagaan baru atau perniagaan kecil dan sederhana yang mana perolehan tahunan mereka hanya di antara RM48,000 hingga RM1 juta.

Dengan adanya kemudahan seperti pembiayaan mikro pinjaman perniagaan baru dan perniagaan kecil dan sederhana, setiap perniagaan 2 tahun yang mempunyai trak rekod yang sempurna serta menepati segala syarat seperti di atas, dapat memohon pinjaman perniagaan sebanyak RM50,000 tanpa cagaran. Tambah lagi, keputusan permohonan mereka dapat di terima di dalam masa 48 jam selepas menyerahkan permohonan dan dokumen masing-masing.

Adakah anda mempunyai idea yang inovatif?

Terokailah pilihan pembiayaan-mikro dengan institusi kewangan yang baik hari ini juga - anda mungkin dapat mencapai impian anda dengan cepat dan bersara lebih awal.

PENULIS ialah Naib Presiden Eksekutif dan Ketua Perbankan Perusahaan Kecil dan Sederhana Alliance Bank.